



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI**  
**BILANGAN 11 TAHUN 2002**

**BAYARAN KHAS PRESTASI 2002**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 7 Tahun 2002 kepada Perkhidmatan Awam Negeri dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf mengenai bayaran khas prestasi 2002.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 7 Tahun 2002 untuk panduan dan tindakan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Bermasuk". Below the signature is a horizontal line.

**(DATO' HAJI ISMAIL BIN LATIFF)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)  
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN  
KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU**

Bertarikh : 30 Rejab 1423  
07 Oktober 2002

[SUK.D.200(01)73/(66)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1. Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
2. Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
3. Fail SUK.D.200(01)600/9/Jld. III



## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 7 TAHUN 2002**

---

### **BAYARAN KHAS PRESTASI 2002**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan kerajaan untuk memberi Bayaran Khas Prestasi 2002 kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2002 dibayar kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan pengorbanan mereka. Tanpa profesionalisme mereka serta pengurusan pentadbiran yang cekap, negara tidak akan dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik. Kadar yang diputuskan adalah sebanyak **satu bulan gaji**.

#### **PELAKSANAAN**

3. Syarat-syarat pembayaran Bayaran Khas Prestasi 2002 adalah sama seperti syarat-syarat pembayaran Bayaran Khas Prestasi 1999 yang dijelaskan melalui **Pekeling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 1999** dengan dibuat penyesuaian tahun 1999 kepada tahun 2002.

4. Bayaran Khas Prestasi 2002 dibuat berdasarkan gaji bulan **Oktoper 2002**.

5. Anggota yang layak akan dibayar sebanyak **separuh** daripada kadar Bayaran Khas Prestasi 2002 pada bulan **Oktoper** dan separuh lagi pada bulan **Disember** 2002.

### **JABATAN YANG MEMBAYAR BAYARAN KHAS PRESTASI**

6. Bagi anggota yang berkhidmat di beberapa Jabatan dalam tahun 2002, pembayaran Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan Jabatan di mana anggota ditempatkan pada bulan pembayaran.


### **TARIKH KUATKUASA**

7. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(**TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI**)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

28 September 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan